



**LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM
(ATOMIC ENERGY LICENSING BOARD)**
Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan
Perubahan Iklim
*(Ministry Of Energy, Science, Technology, Environment and
Climate Change)*
Batu 24, Jalan Dengkil,
43800, Dengkil, Selangor



22 November 2018
Notis Pemberitahuan AELB
Bil. 2/ 2013 Sem. 2

KEPERLUAN MEMASTIKAN:

- a) **PROGRAM PERLINDUNGAN SINARAN;**
 - b) **PELAN SEKURITI PUNCA RADIOAKTIF/ BAHAN NUKLEAR; DAN**
 - c) **PELAN KECEMASAN RADIOLOGIKAL DAN NUKLEAR**
- DILULUSKAN UNTUK DITERIMAPAKAI SEBELUM PERMOHONAN LESEN
(BAGI MAKSUD BUKAN PERUBATAN)**

TUJUAN

1. Tujuan Notis Pemberitahuan ini dikeluarkan adalah untuk memaklumkan kepada semua pemohon yang berhasrat memohon lesen di bawah Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304) berhubung keperluan memastikan:

- a) Program Perlindungan Sinaran;
- b) Pelan Sekuriti Punca Radioaktif/ Bahan Nuklear; dan
- c) Pelan Kecemasan Radiologikal dan Nuklear

telah disahkan oleh Orang Bertanggungjawab Terhadap Lesen (OBTL) dan mendapat kelulusan daripada Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB) untuk diterimapakai sebelum permohonan lesen (bagi maksud bukan perubatan) dikemukakan.

LATAR BELAKANG

2. Pada 15 Januari 2013, AELB telah mengeluarkan Notis Pemberitahuan Bil. 2/ 2013 yang mana pemegang lesen hendaklah mengemukakan Program Perlindungan Sinaran, Pelan Sekuriti Punca Radioaktif/ Bahan Nuklear dan Pelan Kecemasan Radiologikal dan Nuklear yang telah diluluskan oleh AELB untuk diterimapakai semasa membuat permohonan lesen (bagi maksud bukan perubahan) berkuatkuasa 1 April 2013.

3. Dengan mengambil kira pemegang lesen adalah bertanggungjawab terhadap keselamatan dan sekuriti peralatan sinaran¹ yang dimiliki, pada Januari 2016 AELB telah menetapkan agar Program Perlindungan Sinaran, Pelan Sekuriti Punca Radioaktif/ Bahan Nuklear dan Pelan Kecemasan Radiologikal dan Nuklear hendaklah diluluskan oleh OBTL. Walau bagaimanapun, berikutan terdapat sebilangan OBTL yang meluluskan Program Perlindungan Sinaran, Pelan Sekuriti Punca Radioaktif/ Bahan Nuklear dan Pelan Kecemasan Radiologikal dan Nuklear yang tidak lengkap atau tidak tepat, AELB telah mengkaji semula kaedah penilaian terhadap ketiga-tiga dokumen ini.

ARAHAN AELB

4. Pemohon lesen hendaklah memastikan Program Perlindungan Sinaran, Pelan Sekuriti Punca Radioaktif/ Bahan Nuklear dan Pelan Kecemasan Radiologikal dan Nuklear telah diluluskan oleh AELB untuk diterimapakai semasa membuat permohonan lesen.

5. Ketiga-tiga dokumen ini hendaklah disahkan terlebih dahulu oleh OBTL. OBTL hendaklah memastikan maklumat yang disediakan adalah tepat dan telah merangkumi semua aspek yang diperlukan sepertimana yang digariskan dalam

¹ Peralatan sinaran bermaksud sumber sinaran (radas atau bahan yang berupaya mengeluarkan sinaran mengion) dan perkakasan lain yang perlu untuk melengkapkan peralatan tersebut.

LEM/TEK/45², LEM/TEK/62³ dan LEM/TEK/66⁴ dan pindaannya, serta peraturan yang berkaitan. Dokumen yang telah disahkan oleh OBTL seterusnya hendaklah dihantar kepada AELB untuk kelulusan. Dokumen boleh diterimapakai setelah mendapat kelulusan AELB. Pengesahan dan kelulusan program/ pelan tersebut hendaklah direkodkan dan dikepilkan bersama-sama program/ pelan yang telah disediakan (rujuk **Lampiran 1**).

6. Adalah dimaklumkan AELB telah menerimapakai versi terkini Panduan Penyediaan Pelan Sekuriti (Punca Radioaktif) [LEM/TEK/62 Sem. 2] bertarikh 29 Oktober 2018. Sehubungan itu, pemegang lesen hendaklah mengemaskini Pelan Sekuriti berdasarkan panduan terkini yang dikeluarkan.

PENGUATKUASAAN ARAHAN

7. Keputusan ini berkuatkuasa serta merta bagi pemohon lesen baharu. Bagi program/ pelan yang telah diluluskan oleh OBTL dan disahkan oleh AELB untuk diterimapakai sebelum ini, pemegang lesen diberi tempoh sehingga **30 Jun 2019** untuk mengemukakan kepada AELB program/ pelan yang telah dikemaskini berdasarkan arahan pada perkara 4 hingga 6 termasuk pengemaskinian terhadap Pelan Sekuriti agar selaras dengan LEM/TEK/62 Sem. 2 bertarikh 29 Oktober 2018.

PEMBATALAN

8. Dengan penguatkuasaan notis ini, NP Bil. 2/ 2013 Sem.1 bertarikh 14 Januari 2016 adalah dibatalkan.

² Panduan Penyediaan Program Perlindungan Sinaran

³ Panduan Penyediaan Pelan Sekuriti Punca Radioaktif/ Bahan Nuklear

⁴ Panduan Penyediaan dan Pengujian Pelan Kecemasan Radiologikal dan Nuklear

PENUTUP

9. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan mengenai Notis Pemberitahuan ini, sila berhubung dengan AELB menggunakan alamat di bawah.

Lembaga Perlesenan Tenaga Atom
Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi,
Alam Sekitar dan Perubahan Iklim
Batu 24, Jalan Dengkil, 43800 Dengkil

No. Tel : +603-89225888
No. Faks : +603-89223685
E-mel : mnr-customer@aelb.gov.my
Laman Web : www.aelb.gov.my

Lampiran 1

Butiran rekod penyediaan dan kelulusan Program Perlindungan Sinaran/ Pelan Sekuriti Punca Radioaktif/ Bahan Nuklear/ Pelan Kecemasan Radiologikal dan Nuklear yang disediakan hendaklah mengandungi sekurang-kurangnya perkara berikut:

Adalah diperakui bahawa *Program Perlindungan Sinaran/ Pelan Sekuriti Punca Radioaktif/ Bahan Nuklear / Pelan Kecemasan Radiologikal dan Nuklear ini adalah disahkan benar.

*[*potong yang tidak berkenaan]*

Disediakan oleh:

Tandatangan

Nama

Jawatan

Tarikh

Disemak oleh:

Tandatangan

Nama

Jawatan

Tarikh

Disahkan oleh:

Tandatangan

Nama

Jawatan

Tarikh

Kelulusan Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB):

“DILULUSKAN / TIDAK DILULUSKAN untuk diterimapakai dan hendaklah dikemaskini dari semasa ke semasa sekiranya terdapat sebarang perubahan ataupun apabila diarahkan oleh AELB”